

23/05/2000

Annuar mahu perjelas perjuangan Umno

KOTA BHARU, Isnin - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Annuar Musa, berkata beliau akan bergerak ke seluruh negara untuk menemui masyarakat merangkumi ahli Umno, kalangan belia, pelajar dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menjelaskan beberapa perkara, termasuk memperbetulkan tanggapan mereka terhadap perjuangan Umno.

Annuar yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, berkata beliau tidak boleh mengehadkan tumpuan terhadap negeri asalnya semata-mata kerana skop terhadap Umno perlu dinasionalkan selaras amanah yang diberi perwakilan.

"Saya tidak melihat Umno dalam skop Kelantan kerana Kelantan mempunyai Pengerusi Badan Perhubungan (Tengku Razaleigh Hamzah) dan saya bersama pemimpin Umno negeri lain akan sentiasa memberi sokongan terhadap apa juga perancangan membabitkan Kelantan.

"Bagaimanapun, saya juga perlu berganding bahu dengan Ahli MT lain dalam memikirkan kaedah terbaik untuk mengukuhkan Umno secara keseluruhan.

"Kita perlu bertegas dan bertindak pantas dalam hal ini kerana seperti kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ahli Umno harus bersedia untuk bekerja dalam suasana yang menyukarkan (hostile environment)," katanya di sini.

Sehubungan itu, katanya, suntikan semangat yang meresap di jiwa ahli Umno harus dikekalkan seiring perjuangan parti dan bukan mengikut musim setiap kali diadakan perhimpunan agung atau pilihan raya umum.

(END)